

Praktis Formatif 6.5

*gunakan perkataan di bawah sebagai jawapan:

peluang	sama
embrio	Kotiledon
pertambahan	kemandirian
lebih	Tidak
mati	Kerintangan

1. Mengapakah biji benih penting dalam memastikan sesuatu spesies tumbuhan tidak pupus?

Biji benih mengandungi _____ yang akan bercambah untuk membentuk tumbuhan baharu.

2. Jelaskan pernyataan yang berikut.

- (a) Di dalam biji benih terdapat kotiledon
- (b) Sesetengah tumbuhan mempunyai bilangan biji benih yang sangat banyak

(a) _____ membekalkan makanan kepada anak benih sebelum mempunyai daun untuk berfotosintesis.

(b) Meningkatkan _____ untuk percambahan biji benih bagi memastikan _____ spesies tumbuhan.



3. Mengapakah pembiakan aseks menghasilkan tanaman yang kurang berkualiti berbanding pembiakan seks menggunakan biji benih?

Pembiakan aseks boleh dilakukan dengan bahagian vegetatif seperti keratan batang, akar, tunas dan daun menghasilkan tanaman yang mempunyai ciri yang _____ dengan induk, iaitu seiras dari segi ciri fizikal seperti ketinggian, warna dan rasa buah. Tiada variasi terhasil.

_____ terhadap penyakit atau perubahan persekitaran juga adalah sama. Jika satu tanaman tidak tahan terhadap cuaca panas yang ekstrim, maka semua tanaman yang sama akan _____.

Tiada _____ ciri yang lebih baik berbanding induknya.

Tetapi pembiakan seks mewariskan ciri daripada dua batang pokok induk yang menghasilkan anak yang _____ seiras. Menyebabkan variasi terhasil dan tanaman dihasilkan _____ berkualiti.